Menulis

Hati-hati Menggunakan Fon Telinga

Sempena Hari Pendengaran Sedunia, pejabat kesihatan daerah telah mengadakan pertandingan mereka bentuk poster. Hadif mahu menyertai pertandingan tersebut. Dia telah mendapatkan maklumat tentang cara menggunakan fon telinga daripada jirannya, Doktor Azlan. Mereka berkomunikasi melalui media sosial.

Doktor Azlan
dalam talian

Selamat petang, Doktor Azlan. Apakah punca masalah pendengaran?

Selamat petang, Hadif. Antara punca masalah pendengaran termasuklah penggunaan fon telinga yang terlalu lama.

Bagaimanakah cara menggunakan fon telinga dengan selamatnya?

Pertama, kita perlu mengurangkan penggunaan fon telinga. Jangan gunakannya lebih daripada 90 minit. Pastikan tetapan tahap bunyi tidak melebihi setengah. Jika terdedah kepada bunyi bising dalam tempoh yang lama, berikan masa rehat untuk telinga sekurang-kurangnya 16 jam.

Ingat, Hadif. Masalah pendengaran ialah kecacatan kekal dan tidak boleh diubati.

Terima kasih, doktor.

Sama-sama, Hadif.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

Masalah pendengaran ialah

Penggunaan Fon Telinga yang Selamat

- kurangkan penggunaan fon telinga
-
-
-

Aktiviti

Berbincang untuk mencatat dan melengkapkan poster.

Nota Guru

- Bimbing murid untuk menganalisis dan mencatat maklumat tentang sesuatu perkara yang dirujuk.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar
KBAT: Menganalisis
EMK: Kelestarian Global

LIVEWORKSHEETS